

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

**HKB 402 Seminar dalam Kesusastraan Bandingan**

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi TUJUH (7) soalan dalam DUA (2) muka surat.

Jawab **EMPAT (4)** soalan. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Dengan mengemukakan lima rangkap pantun klasik sebagai contoh, bincangkan bagaimana soal perhubungan manusia dengan alam kuat menentukan ciri-ciri keindahan puisi tersebut. Kemudian, jelaskan faktor-faktor yang anda fikir telah menyebabkan segolongan penyair romantik Inggeris dan Perancis terpikat buat beberapa lama kepada pantun Melayu.
2. Dengan mengemukakan contoh-contoh yang konkret, jelaskan ciri-ciri pantoum ala Francaise. Kemudian, dengan berdasarkan sebuah karya Baudelaire yang telah anda pelajari, bincangkan pula bagaimana perhubungan manusia dengan alam dihidupkan di dalam pantoum.
3. Jelaskan dengan ringkas maksud tzu-jan dan p'o di dalam falsafah Tao. Seterusnya, dengan merujuk kepada puisi Li Po yang amat terkenal yang diberikan (dalam terjemahan bahasa Malaysia) di bawah ini, bincangkan pula secara kritis ciri-ciri estetika tzu-jan yang dikatakan kuat menentukan isi dan struktur karya seni Taois.

Di hadapan katilku cahaya bersinar  
Kukira ia tempiasan salji di lantai  
Bila kuangkat kepala kulihat bulan yang terang  
Bila kutunduk semula kuingat rumahku yang jauh di mata

4. Dengan merujuk kepada karya-karya agung Basho dan Chiyo, jelaskan bagaimana dapat dikatakan bahawa puisi haiku adalah rakaman satori yang dicapai di dalam disiplin Zen. Kemudian, secara kritis bandingkan pula kesan haiku dengan kesan puisi yang dibentuk oleh Taoisme.
5. Bandingkan sejauhmanakah kejayaan Arjuna di dalam Bhaqavad Gita dan Bride (Shu-lam-ite girl) di dalam "Song of Songs" dalam mencapai keinginan masing-masing. Tunjukkan bagaimana keinginan watak-watak ini berkaitan dengan ajaran kerohanian Hindu ataupun Kristian.
6. Jelaskan imej Omar Khayyam seperti yang ditampilkan oleh Edward Fitzgerald kepada khalayak sastera di Barat melalui *The Rubaiyat of Omar Khayyam*. Kemudian, dengan merujuk kepada kandungan puisi tersebut dan kepada sejarah hidup Omar, bincangkan sejauhmanakah anda bersetuju dengan penampilan yang dibuat oleh Fitzgerald.
7. Jelaskan dengan ringkas apa yang anda faham tentang hermeneutiks dekonstruktif yang diajar oleh Derrida dan hermeneutiks kerohanian yang diperjuangkan oleh Corbin dan Raine. Pada pendapat anda hermeneutiks manakah yang sesuai digunakan untuk memahami karya-karya sastera yang unggul di dalam tradisi-tradisi kerohanian seperti Islam dan Kristian? Sokongkan pendapat anda dengan memberi contoh-contoh yang bersesuaian.

-ooooooo-